



Bersama

SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)

Asna Tax Services
Sdn Bhd

www.salihin.com.my



AUDIT DAN PENYIASATAN CUKAI

KERAJAAN melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) bakal menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 telah merangka beberapa inisiatif pembaharuan. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) atau *Strategic Reform Initiatives* (SRI's) yang menggariskan beberapa langkah untuk meningkatkan efisiensi dan meluaskan asas cukai serta menambahbaik mutu pelaksanaan kutipan cukai dan duti. Saranan ini secara langsung akan meningkatkan pendapatan cukai negara.

Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) selaku agen kerajaan yang bertanggungjawab mengutip hasil cukai kerajaan telah melaksana beberapa inisiatif selaras dengan ISP. Secara umumnya, pihak LHDN telah mengambil beberapa pendekatan terutamanya untuk memastikan pembayar cukai mematuhi kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan cukai. Selain daripada itu, proses pembayaran dan kutipan akan diperkemas dan dipertingkatkan. Perkara utama yang menjadi saranan IPS ialah sektor-sektor yang berimpak tinggi dan mengenalpasti golongan yang tidak membayar cukai tegar. Untuk mencapai matlamat itu, fokus pihak LHDN ialah untuk mengemaskini dan melaksana gerak kerja penyiasatan cukai dan audit dengan lebih sempurna.


Gerak Kerja Penyiasatan Cukai

Pihak LHDN telah menjalin kerjasama strategik dengan beberapa agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia (MACC) dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk menambahkan lagi keberkesanan dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan percukaian. Sebelum ini, pihak LHDN hanya




1. Meluaskan lapangan audit dan liputan siasatan.
2. Meluaskan asas cukai.
3. Meningkatkan kecekapan dalam pembayaran dan kutipan cukai.
4. Mengkaji kadar susutan nilai kereta terpakai diimport yang diwartakan.
5. Kawalan audit terhadap pengeksporth-pengeksporth dan pengimpor-pengimpor minuman keras dan rokok di pulau-pulau bebas cukai dan Zon Perdagangan Bebas.
6. Peningkatan penguatkuasaan Kastam.

RM4.5 BILION PENJIMATAN DALAM 2 TAHUN PERTAMA PELAKSANAAN



KOS HANYA RM142.8 JUTA UNTUK 4 TAHUN TEMPOH PELAKSANAAN



(Sumber: PEMANDU)

menjalankan operasi penyiasatan secara bersendirian dan tidak banyak melibatkan agensi kerajaan yang lain. Operasi secara bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan yang lain merupakan langkah awal pihak LHDN dalam usaha meningkatkan keberkesanan penyiasatan cukai.

Di samping itu, pihak LHDN juga telah melakukan perubahan kepada beberapa unit dan bahagian berkaitan seperti mewujudkan *Anti Money Laundering Unit (AMLU)*, Bahagian Pengurusan Risiko (RMD), *The AMLU houses Anti Money Laundering Act (AMLU) Unit*, Bahagian Pengawasan dan juga Unit Forensik. Fungsi utama AMLU adalah untuk mengawasi dan mengatasi masalah berkaitan aktiviti-aktiviti wang haram di dalam negara. Manakala RMD memainkan peranan untuk meningkatkan dan memperkemaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pengurangan risiko dalam hal pematuhan cukai. Bahagian RMD terdiri daripada Unit *Audit Risk*, Unit *Investigation Risk*, Unit Pungutan Hasil, Unit *Strategy and Operation Risk* serta Unit Risiko Kewangan dan Pengurusan.

Untuk mengemaskini prosedur berkenaan penyiasatan, penyiasatan cukai mengikut kanun jenayah akan diperluaskan. Jika sebelum ini penyiasatan cukai lebih menitikberatkan penyiasatan sivil, pasca 2011 menyaksikan pihak LHDN akan lebih menjurus kepada penyiasatan jenayah. Secara amnya, penyiasatan jenayah adalah sama seperti penyiasatan sivil dari segi fungsi dan prosedur kerja, tetapi penyiasatan jenayah memerlukan pengumpulan keterangan yang munasabah untuk mensabitkan pendakwaan terhadap pesalah pelarian cukai menurut undang-undang yang termaktub dalam ITA 1967, Kod Kanun Keseksaan, Prosedur Kod Jenayah, Evidence Act 1950 dan sebagainya. Antara bahagian yang dianggap paling kritikal dalam menjalankan penyiasatan adalah untuk membuktikan kewujudan pelarian cukai tanpa



sebarang keraguan yang munasabah.

Di dalam pelaksanaan penyiasatan sivil, sebagai contoh dalam penentuan tuntutan penolakan dan menjadikan penolakan tersebut kes *prima facie* sama ada tuntutan tersebut dibenarkan ataupun tidak, beban bukti adalah kepada pembayar cukai untuk membuktikan bahawa penolakan tersebut adalah tidak dibenarkan. Oleh yang demikian, kesimpulan yang munasabah daripada fakta yang diketahui boleh menyokong di dalam pencarian *liabiliti civil* tetapi tidak di dalam penyiasatan jenayah, di mana fokusnya lebih mendalam dan perlu pempunuan yang lebih jelas.

Pelbagai kesalahan yang boleh menarik kepada pelaksanaan penyiasatan cukai contohnya pendapatan kurang lapor, membuat perubahan dengan menambahkan jumlah potongan, membuat dua set akaun, memanipulasi rekod dan transaksi, membuat tuntutan potongan yang palsu dan menyembunyi ataupun memindahkan aset atau pendapatan.

Isu Audit cukai

Audit cukai telah mula diperkenalkan pada tahun 2001. Ianya bertujuan antara lain untuk menyemak dan menentukan sama ada cukai yang diikrarkan kepada pihak LHDN adalah benar dan menepati kehendak Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967). Beberapa isu telah dibangkitkan oleh pembayar cukai berkenaan audit cukai.

Antara isu-isu yang lazimnya dibangkitkan oleh pembayar cukai adalah audit yang berulang, penalti, kesuntukan untuk memberi respon kepada penemuan audit, permintaan dokumen oleh pihak LHDN, pengauditan

